

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK IKMAL HISHAM
BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH]**

TARIKH : 16 MEI 2016

SOALAN :

YB Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai pelajar tajaan JPA di luar negara yang terpaksa menamatkan pengajian mereka berikutan masalah kewangan dan apakah langkah yang dilakukan bagi membantu mereka.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang menamatkan pengajian berikutan masalah kewangan malah Kerajaan masih meneruskan penajaan kepada seramai 49,060 pelajar tertanggung yang terdiri daripada 41,324 pelajar di dalam negara dan 7,736 pelajar di luar negara. Bagi tahun 2016, Kerajaan melalui JPA akan menaja 9,678 pelajar cemerlang bagi pengajian dalam dan luar negara di bawah Model Baharu Penajaan JPA.

Sekian, terima kasih.